

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Telefon: 03-88832533  
Fax : 03-88895245

Ruj: (18) dlm. KKM-58/300/1-5 Jld.2  
Tarikh : 4 Mac 2015

Setiausaha-Setiausaha Bahagian  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri  
Pengarah-Pengarah Hospital Negeri  
Pengarah-Pengarah Institusi

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 2 / 2015**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN KUTIPAN HASIL BAGI PESAKIT  
WARGA ASING YANG TIDAK MEMBAYAR DEPOSIT SEMASA  
MENDAPATKAN RAWATAN DI HOSPITAL KERAJAAN**

**TUJUAN**

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai pengurusan kutipan hasil bagi pesakit warga asing yang tidak membayar deposit semasa mendapatkan rawatan di hospital Kerajaan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pelaksanaan fi baru perubatan warga asing telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2015 secara berperingkat dalam tempoh empat (4) tahun melalui **Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014: Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014** yang telah diedarkan ke semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital dan Klinik. Semua pesakit warga asing yang mendapatkan rawatan di hospital/klinik akan dikenakan caj seperti yang ditetapkan di dalam Perintah Fi tersebut.



3. Pesakit warga asing juga dikehendaki membayar deposit bagi kemasukan ke hospital kecuali bagi pekerja asing yang dilindungi oleh Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA). Pada masa yang sama, pesakit warga asing tidak dinafikan perkhidmatan rawatan sekiranya berlakunya kes-kes kecemasan sungguhpun mereka tidak membayar deposit atau caj rawatan.

### **PENGURUSAN KUTIPAN HASIL DI JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA**

4. Bagi kategori pesakit yang berada dalam keadaan kritikal di Zon Merah dan perlu dimasukkan ke wad dengan segera tanpa bayaran deposit, kaunter daftar masuk hospital hendaklah menerima dan mendaftarkan pesakit. Walau bagaimanapun sebaik sahaja dimasukkan ke wad, pesakit perlu dimaklumkan dengan segera untuk membayar deposit berkenaan dan segala usaha perlulah diambil oleh pihak hospital untuk mengutip bayaran deposit tersebut.
5. Bagi kategori pesakit yang berada di Zon Kuning dan Zon Hijau, pegawai perubatan hendaklah membuat saringan terlebih dahulu dan sekiranya perlu dimasukkan ke wad, Pegawai Perubatan Pakar sama ada Pakar Kecemasan atau Pakar disiplin lain yang merawat pesakit perlu mengesahkan keperluan pesakit tersebut dimasukkan ke wad atas faktor klinikal. Pegawai Perubatan Pakar hendaklah mengesahkan pada Borang Pengesahan Pegawai Perubatan Untuk Membenarkan Pesakit Dimasukkan Ke Wad Tanpa Deposit Terlebih Dahulu (seperti di Lampiran A) dan bertanggungjawab sepenuhnya mengenai keputusan/arahan kemasukan pesakit-pesakit ke wad berdasarkan penilaian klinikal (*clinical assessment*) pakar tersebut.
6. Manakala bagi pesakit di Zon Kuning dan Zon Hijau di hospital tanpa pakar, pengesahan kemasukan ke wad perlu dibuat oleh Pengarah Hospital atau Pegawai Perubatan yang bertanggungjawab di Jabatan Kecemasan.

## **PENGURUSAN KUTIPAN HASIL BAGI KES BUKAN KECEMASAN ATAU RAWATAN PESAKIT SEMASA DI WAD**

7. Bagi menguruskan kutipan hasil untuk kes-kes bukan kecemasan atau rawatan pesakit semasa di wad, Pegawai Perubatan hendaklah merawat pesakit dengan kaedah rawatan sewajarnya bagi menstabilkan pesakit. Dalam hal ini, Pegawai Perubatan hendaklah mengambilkira bahawa kos-kos yang melibatkan peralatan perubatan pakai buang dan ubat-ubatan supaya ianya digunakan secara berhemat.

## **MEMPAMERKAN SENARAI KADAR CAJ RAWATAN DAN PROSEDUR YANG SERING DITERIMA PESAKIT WARGA ASING**

8. Jabatan Pesakit Luar atau Jabatan Kecemasan dan Trauma hendaklah menyenaraikan rawatan dan prosedur yang kebiasaannya yang melibatkan pesakit warga asing (10 sehingga 20 caj rawatan yang kerap digunapakai) semasa mendapatkan rawatan di hospital dan mempamerkan anggaran caj yang akan dikenakan kepada pesakit berkenaan. Dengan mengetahui kadar caj yang akan dikenakan, pesakit warga asing mempunyai pilihan untuk terus menerima rawatan daripada hospital Kerajaan atau mendapatkan rawatan di klinik atau hospital swasta.
9. Ini juga dapat memberikan kesedaran kepada anggota-anggota hospital tentang kos yang terlibat dalam menyediakan rawatan dan prosedur kepada warga asing dan membantu Pegawai dan Pakar Perubatan agar lebih berhemah dalam pemberian perkhidmatan.

## **TANGGUNGJAWAB UNTUK MENGUTIP BAYARAN BIL RAWATAN DARIPADA PESAKIT WARGA ASING YANG DIMASUKKAN KE WAD**

10. Pihak hospital adalah bertanggungjawab untuk mengutip bayaran bil rawatan daripada pesakit warga asing yang dimasukkan ke wad. Bagi tujuan ini segala usaha perlu dibuat agar pesakit warga asing membuat pembayaran semaksima mungkin. Sehubungan dengan itu, pihak hospital boleh merujuk kepada Kit Program

Pengurusan yang mengandungi Prosedur Standard (*Standard Operating Procedure*) bagi "Pengurusan Kutipan Bayaran Hospital (Pesakit Dalam)" dan "Pengurusan Kemasukan Pesakit Ke Wad" yang boleh dimuat turun melalui Portal Bahagian Kewangan, KKM, [www.finance.moh.gov.my](http://www.finance.moh.gov.my) untuk maklumat lanjut.

11. Pegawai dan staf di Unit Hasil dan Wad hendaklah bersama-sama bertanggungjawab memastikan bahawa segala usaha dan langkah-langkah mengutip bayaran bil rawatan pesakit warga asing telah dilakukan sebelum pesakit tersebut di discaj daripada wad dengan membuat pengesahan dan tandatangan pada slip seperti berikut:

"Segala usaha untuk mengutip bayaran bil rawatan pesakit warga asing telah dilaksanakan sepenuhnya"


(Tandatangan)

Nama :  
Jawatan :  
Cop Jabatan :

#### TARIKH KUATKUASA

12. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan sehingga ia dibatalkan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



( DATUK FARIDA MOHD ALI )

**Borang Pengesahan Pegawai Perubatan Untuk Membenarkan  
Pesakit Dimasukkan Ke Wad Tanpa Deposit Terlebih Dahulu**

**A. MAKLUMAT PESAKIT**

1. Nama Pesakit : .....
2. No. Kad Pengenalan/Pasport: .....
3. Alamat: .....
- .....
- .....
4. No. Pendaftaran/RN: .....
5. Kelas Wad: .....

**B. PENGESAHAN PEGAWAI PERUBATAN**

Adalah disahkan bahawa pesakit di atas telah diperiksa dan didapati berada dalam keadaan kritikal. Sehubungan itu, pesakit dibenarkan dimasukkan ke wad tanpa membayar deposit terlebih dahulu.

Tandatangan: .....

Nama: .....

No. K/P: .....

Jawatan: .....

Jabatan: .....

Tarikh: .....

Cop Rasmi Hospital: